

Cabaran: Memenangi orang Bugis di Indonesia



Majoriti orang Bugis di Indonesia (lebih dari 3.5 juta orang) tinggal di bahagian barat daya semenanjung Pulau Sulawesi. Bagi orang Bugis, agama Islam merupakan sebahagian daripada identiti

ethnik dan juga keagamaan mereka. Mereka mempunyai reputasi sebagai orang-orang Muslim yang fanatik, dengan sejarah penganiayaan yang ganas terhadap minoriti-minoriti Kristian. Selain menganuti Islam, ramai orang Bugis juga terlibat dalam amalan animistik seperti mendapatkan kuasa dari roh-roh orang mati, mendapat bantuan dari dukun (bomoh), dan menggunakan azimat dan tangkal. Oleh kerana kaitan mereka dengan kuasa-kuasa kegelapan, orang-orang Bugis merupakan cabaran yang besar bagi orang-orang yang ingin menjangkau mereka

dengan kasih dan kebenaran Injil Isa Al-Masih.

Penginjil-penginjil:

Setakat ini terdapat sedikit sahaja penginjil di kalangan orang-orang Bugis. Beberapa orang yang sedang melayani di kalangan orang Bugis sering kali perlu berusaha bertahun-tahun untuk memenangi seorang, atau mungkin beberapa orang sahaja. Sekiranya 500-1,000 orang Bugis dimenangi bagi Tuhan tahun ini, ini akan merupakan satu mukjizat yang luarbiasa.

Kesaksian: “Pramana”

(bukan nama sebenar) adalah seorang pengikut Mesias dari



satu kumpulan ethnik yang majoritinya Kristian. Dia membesar di Makassar (ibukota wilayah Sulawesi Selatan) dan belajar di universiti. Melalui penglibatannya dengan sekumpulan orang-orang percaya di universiti, dia memahami keperluan untuk menjangkau orang-orang Muslim di sekelilingnya. Selepas menerima ijazahnya dia pergi ke sekolah Alkitab dan akhirnya menyertai satu kumpulan yang menjangkau orang-orang Muslim. Dia mendapat kerja untuk menyara hidup keluarganya. Pekerja-pekerja seperti “Wally” dari

kumpulan-kumpulan ethnik yang lain sering kali menghadapi sikap perkauman dari orang-orang Bugis. Berdoalah agar orang-orang Muslim Bugis akan mendengarkan “orang-orang asing” ini.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Berdoalah agar penghalang-penghalang, iaitu Islam dan amalan ilmu sihir di kalangan orang Bugis*

akan diatasi oleh Roh Kudus.

- *Berdoalah agar Berita Baik akan tersebar secara luarbiasa dan agar Yesus akan dihormati di antara orang Bugis.*
- *Berdoalah untuk lebih ramai orang-orang Indonesia yang akan menunjukkan iman yang sanggup berkorban demi kerajaan Tuhan. Semoga hal kewangan tidak akan menjadi satu gangguan bagi pelayanan mereka.*



STATISTIK INDONESIA

17,508 pulau

Bilangan penduduk:
234,694,000 (Julai 2007)

Bilangan penduduk Muslim
yang terbesar di dunia: 86.1%
Muslim, Protestan 5.7%,
Katolik 3%, Hindu 1.8%, lain-
lain 3.4%

Kumpulan Ethnik: Java 40.6%,
Sundan 15%, Madura 3.3%,
Minangkabau 2.7%, Betawi
2.4%, Bugis 2.4%, Banten 2%,
Banjar 1.7%, lain-lain atau
tidak ditentukan 29.9%

Bahasa Utama: Bahasa
Indonesia

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

